

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD  
IMRAN BIN ABD HAMID (B) [ LUMUT ]**

**SOALAN :**

**Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan menilai semula cuti menunaikan haji bagi kakitangan awam khususnya kepada golongan guru-guru dari 40 hari kepada 50 hari agar bakal haji dapat menguruskan hal ehwal dengan lebih selesa apatah lagi selepas kembali ke tanah air.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju melaksanakan pemberian kemudahan Cuti Haji selama 40 hari termasuk hari rehat mingguan dan hari kelepasan am kepada penjawat awam beragama Islam untuk menunaikan haji di Mekah sekali sepanjang tempoh perkhidmatan. Pegawai layak menggunakan Cuti Haji bergaji penuh sebelum tarikh berangkat ke Mekah dan sebahagian baki selepas pulang ke tanah air tertakluk kepada maksimum 40 hari.

Sekiranya seorang penjawat awam memerlukan tempoh lebih dari 40 hari atas sebab-sebab tertentu, beliau boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat yang berkelebihan, Cuti Tanpa Gaji atau kemudahan Cuti Penggal bagi guru.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' FAUZI BIN ABDUL  
DARIPADA RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia mempertimbangkan supaya pelajar cemerlang (seperti mendapat 8A atau 9A dalam peperiksaan SPM) dan tidak berkemampuan mendapat biasiswa dalam kursus pilihannya tanpa mengira bangsa dan keturunan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan 19 bentuk penajaan biasiswa/bantuan kewangan/pinjaman pelajaran kepada semua rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran tanpa mengira kaum atau negeri.

Penajaan Program Busary adalah merupakan dermasiswa daripada pihak kerajaan bagi memberi pengiktirafan kepada pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh 9A+ dan ke atas. Oleh yang demikian, hanya pelajar-pelajar yang memenuhi syarat utama iaitu mendapat 9A+ dan ke atas sahaja akan dipertimbangkan untuk penajaan Bursary. Bursary juga ditawarkan secara automatik oleh KPM tanpa mengira etnik, kaum, keturunan dan latar belakang.

Program ini masih diteruskan sehingga tahun 2014 sehingga terdapat sebarang perubahan dasar dari segi keperluan penajaan.

RT68